



**PERATURAN LARIAN**  
**KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**( KARiSTA UiTM )**

## **1.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang–Undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) / IAAF dan Peraturan AM Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.
- 1.2 Selain dari peraturan umum diatas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran KARiSTA.

## **2.0 KELAYAKAN**

Rujuk perkara 4.0 Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

## **3.0 PENDAFTARAN PESERTA**

- 3.1 Perkara 5.0 dalam Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM adalah dirujuk.
- 3.2 Pendaftaran pasukan TERBUKA dan tidak dihadkan jumlah penyertaan setiap kategori.
- 3.3 Setiap pasukan boleh menghantar sebanyak mana mungkin penyertaan tetapi pemenang hanya dikira secara individu sahaja.
- 3.4 Setiap peserta akan diberikan bib nombor semasa mesyuarat pengurus pasukan.
- 3.5 Setiap peserta hendaklah berada di tempat permulaan 1 jam sebelum pertandingan bermula dan menandatangani senarai kehadiran peserta.
- 3.6 Pendaftaran nama-nama peserta hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola, hanya peserta-peserta yang berdaftar sahaja dibenarkan mengambil bahagian.

## **3.7 ACARA-ACARA**

- 3.7.1 Kategori Terbuka Lelaki
- 3.7.2 Kategori Terbuka Wanita
- 3.7.3 Kategori Veteran Lelaki
- 3.7.4 Kategori Veteran Wanita

## **4.0 PERATURAN TEKNIKAL**

- 4.1 Pertandingan ini adalah merupakan acara perseorangan / individu sahaja.
- 4.2 Pemenang adalah berdasarkan kepada kedudukan mereka semasa sampai di garisan penamat.
- 4.3 Peserta tidak dibenarkan membawa kenderaan pasukan atau support car sepanjang pertandingan.
- 4.4 Peserta tidak dibenarkan melakukan aksi yang boleh merbayakan diri dan peserta lain sepanjang pertandingan.
- 4.5 Sebarang masalah yang timbul kepada peserta semasa pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan cara mengangkat tangan dan memberitahu apa yang diperlukan kepada petugas.

## **5.0 LALUAN PERTANDINGAN**

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan diatas jalanraya dan offroad.
- 5.2 Jarak bagi setiap kategori pertandingan adalah -+7km sahaja.
- 5.3 Laluan akan dilengkapkan dengan petunjuk arah.

## **6.0 PENENTUAN PEMENANG**

- 6.1 Pemenang bagi acara perseorangan akan ditentukan daripada peserta yang sampai di garisan penamat dan begitu juga bagi pemenang seterusnya.
- 6.2 Peserta yang tamat di garisan penamat perlu melengkapkan stiker check point yang akan ditentukan lokasinya oleh penganjur dan kemenangan setiap peserta boleh ditarik balik sekiranya petugas mendapati sticker check point tidak lengkap
- 6.3 Setiap pasukan dibenarkan menyenaraikan sekurang-kurangnya 1 orang peserta bagi melayakkan bertanding dalam acara perseorangan.
- 6.4 Bib nombor yang telah diedarkan perlukan dilekatkan di bahagian hadapan tshirt / jersi peserta bagi memudahkan petugas melekatkan stiker check point semasa perlumbaan.
- 6.5 Bib nombor yang diberi juga diselaraskan nama peserta dan kemenagan peserta boleh ditarik balik sekiranya terdapat peserta menukar bib nombor dengan peserta lain.
- 6.6 Hadiah bagi setiap kategori akan diberikan diberi bagi setiap tempat pertama (emas), kedua (perak) dan ketiga (gangsa) yang akan dimasukkan ke dalam pingat kontingen.

- 6.7 Semua pemenang dikehendaki berada di tempat penyampaian hadiah dengan pakaian pasukan masing-masing semasa Majlis Penyampaian Hadiah.
- 6.8 Kesemua peserta pertandingan yang menamatkan larian dengan jayanya akan menerima medal penamat.

## 7.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.